

PASTOR & ANDA

(Peranan dan Tanggungjawab
Di Antara Pastor dan Jemaah)

oleh Richard W. De Haan

Prinsip-Prinsip Firman Tuhan

Saya sangat menghargai peluang yang istimewa dan amat indah untuk melayani Tuhan sebagai pemberita Injil selama beberapa tahun. Bagaimanapun, selama itu saya tidak pernah menjadi pastor gereja. Saya tidak pernah mengalami berkat sebagai pengkhotbah tetap bagi satu jemaah tempatan. Selepas tamat dari kolej dan seminari, saya mengikut jejak bapa saya dalam pelayanan Radio Bible Class. Sejak itu, sebahagian besar hidup saya berkisar dan tertumpu pada pelayanan ini.

Walaupun saya tidak pernah menjadi pastor gereja, namun saya telah dibesarkan di rumah pastor, ketika keperibadian saya mudah dibentuk dan dipengaruhi. Saya anak seorang pastor, dan pasti ingat masa itu. Bagaimana mungkin saya dapat melupakan pengalaman-pengalaman yang menyeronokkan semasa muda, apabila tingkap-tingkap syurga seolah-olah terbuka dan hujan berkat dicurahkan dengan begitu berlimpah! Ia seolah-olah baru berlaku kelmarin apabila kepala saya bersandar pada bahu ibu, dan saya mendengar kata-kata bapa saya apabila dia merayu jiwa-jiwa yang sesat untuk melepaskan diri daripada hukuman Tuhan yang akan datang. Ya, saya akan sentiasa

menghargai kenangan manis seperti itu, dan terlebih lagi setelah bapa saya meninggal. Sekarang dia bersama-sama Tuhan yang dikasihi dan dilayaninya dengan begitu setia.

Bagaimanapun, ada juga beberapa hal yang saya ingin lupakan. Walaupun pelayanan seorang pastor amat memuaskan hati dan menggembirakan, pelayanan ini juga melibatkan pengalaman-pengalaman yang sangat sukar, melemahkan semangat dan mengecewakan, sehingga dapat menghabiskan tenaga serta menghalang usaha-usaha hamba Tuhan yang paling berdedikasi. Sebagai anak seorang pastor, saya didedahkan kepada masalah-masalah unik yang dihadapi oleh orang yang dipanggil oleh Tuhan untuk berada dalam kedudukan pelayanan yang istimewa ini. Oleh sebab itu, saya akan selalu mengambil berat terhadap

pastor-pastor yang melayani Tuhan dengan amat setia dan tekun dalam panggilan mereka yang mulia.

Sebagai askar-askar Kristus yang baik, hamba-hamba Tuhan tersebut meneruskan pelayanan tanpa merungut walaupun mereka menghadapi pencubaan untuk berhenti dan berkata, "Apalah gunanya?" Saya sangat menghormati mereka. Apabila Yesus datang kelak, saya tahu bahawa pahala mereka besar.

Bukan hanya tugas berkhotbah, panggilan pelayanan dan kerja pentadbiran di gereja menghabiskan tenaga serta ketahanan seorang pastor, tetapi juga kepenatan fizikal dan keletihan yang amat sangat sehingga mengakibatkan perhubungan tegang di antara pastor dan anggota jemaahnya. Apabila ada salah faham dan bantahan yang melibatkan

perbezaan pendapat secara jujur di kalangan anggota jemaah yang dihormati, pastor merasa amat tertekan dalam kedudukannya. Pastor yang tidak mampu menyenangkan hati orang yang amat dikasihinya, dan berasa kecewa apabila dia dibantah oleh orang yang diharapkan untuk memberi dia sokongan moral—inilah yang menyebabkan dia menyerah kalah kerana tidak tahu apa lagi yang harus dibuat.

Dengan rasa kesal, pastor seolah-olah tidak pernah melakukan perkara yang betul dalam gereja. Walaupun dia bersungguh-sungguh dan berusaha sedaya upaya, ada saja orang yang siap sedia untuk mencari kesalahan dan mengkritiknya. Ada seseorang menerangkan keadaan ini seperti berikut:

- Jika pastor itu muda, dia kurang berpengalaman; jika rambutnya putih, dia

terlalu tua untuk kaum belia.

- Jika dia mempunyai lima atau enam orang anak, keluarganya terlalu besar; jika dia tidak mempunyai anak, dia memberi contoh yang tidak baik.
- Jika dia berkhotbah berdasarkan nota, khutbahnya basi dan kering; jika khutbahnya disampaikan tanpa nota, dia tidak cukup mendalam.
- Jika dia melayani orang miskin di gereja, dia ingin disukai ramai; jika dia memperhatikan golongan kaya, dia cuba menjadi orang atasan.
- Jika dia menggunakan terlalu banyak ilustrasi, dia mengabaikan Alkitab; jika dia tidak menggunakan cerita, khutbahnya sukar difahami.
- Jika dia menunjukkan kesalahan orang, dia pemaarah; jika dia tidak

berkhutbah menentang dosa, mereka mendakwa dia bertolak ansur dan tidak tegas.

- Jika dia mengkhutbahkan kebenaran, dia terlalu keras; jika dia tidak menyampaikan “seluruh ajaran Tuhan,” dia seorang munafik.
- Jika dia gagal menyenangkan hati semua orang, dia menyinggung perasaan jemaah dan adalah baik dia berhenti; jika dia menyenangkan hati mereka semua, dia tiada pendirian.
- Jika dia memandu kereta lama, dia memalukan jemaahnya; jika dia membeli kereta baru, dia mencintai benda-benda dunia.
- Jika dia selalu berkhutbah, jemaah bosan mendengar orang yang sama; jika dia mengundang pastor lain, dia melalaikan

tanggungjawabnya.

- Jika dia menerima gaji besar, dia mata duitan; jika dia menerima gaji kecil, mereka katakan bahawa itulah yang menunjukkan dia tidak layak menerima banyak. Saya tahu bahawa penerangan itu mungkin membesar-besarkan keadaan sebenar, tetapi ini memang menonjolkan sikap umum di banyak tempat. Keadaannya sama sahaja di mana-mana, tidak kira gereja apa yang anda hadiri, kerana ada saja kumpulan atau golongan yang membantah pastor. Walaupun pastor sangat berusaha untuk menggembalakan jemaah dengan setia, dan merindukan berkat Tuhan dicurahkan atas pelayanannya, serta sungguh-sungguh berusaha untuk mendapat restu seluruh jemaah, namun ada saja orang yang mencari kesalahan dan menentang

pastor di belakangnya, atau mempersalahkan tindakan pastor secara terang-terang.

Dengan menyadari keadaan seperti itu memang wujud, dan mengetahui bahawa perkara ini menghalang keberkesanan gereja tempatan, saya telah menyediakan pelajaran berikut mengenai *Pastor dan Anda*. Mungkin ada beberapa orang yang mempersoalkan niat saya dan salah faham dengan kata-kata saya, tetapi saya tetap bersuara dan membiarkan kata-kata mengena di mana-mana jua yang perlu.

SUATU TELADAN

Di dalam kitab Berita Baik yang disampaikan oleh Yohanes, tiga perkara telah disebut tentang Yohanes Pembaptis yang menjadi ciri seorang hamba Tuhan yang sejati. Dan sekiranya ketiga-tiga perkara ini sentiasa diingat oleh setiap pastor

dan anggota jemaahnya, saya yakin bahawa kebanyakan masalah yang dialami oleh gereja-gereja kita pada hari ini boleh dielakkan. Rasul Yohanes mencatat:

Seorang bernama Yohanes diutus oleh Allah. Yohanes datang untuk memberitahu orang tentang cahaya itu, supaya semua orang mendengar dan percaya kepada perkhabarannya. Dia sendiri bukan cahaya itu; dia datang untuk mengkhabarkan cahaya itu (Yohanes 1:6-8).

Ada tiga perkara penting yang disebut dalam ayat-ayat ini tentang Yohanes Pembaptis.

Pertama, kita diberitahu bahawa "Seorang bernama." Dia seorang manusia, dan tertakluk pada kelemahan dan keterbatasan seperti orang lain. Yohanes bukan malaikat; dia bukan ciptaan yang luar biasa; dia bukan utusan yang bertubuh luar

biasa dari takhta Tuhan. Sebaliknya, sebagaimana yang dicatat, dia “Seorang bernama.”

Kedua, kita diberitahu bahawa “Yohanes diutus oleh Allah.” Walaupun dia seorang manusia yang mempunyai keterbatasan, Yohanes berbeza daripada orang lain kerana dia telah dipilih khas. Dia “diutus oleh Allah.”

Dan ketiga, kita diberitahu bahawa, “Seorang ... diutus oleh Allah... untuk mengkhabarkan cahaya itu.” Dia datang untuk memberitakan Kristus, Cahaya bagi dunia. Itulah misi Yohanes. Ayat 8 berkata, “Dia sendiri bukan cahaya itu; dia datang untuk mengkhabarkan cahaya itu.” Daripada bahagian ini dalam Yohanes 1, kita mempelajari perkara berikut:

1. Dia seorang manusia.
2. Dia seorang manusia yang diutus oleh Tuhan.

3. Dia seorang manusia yang diutus oleh Tuhan untuk mengkhabarkan cahaya itu.

Perkara-perkara yang sama boleh dikatakan tentang semua pastor yang sungguh-sungguh dalam panggilan mereka. Mereka manusia—mereka mempunyai **keterbatasan**. Mereka diutus oleh Tuhan—mereka mempunyai **kewibawaan ilahi**. Mereka diutus oleh Tuhan untuk mengkhabarkan cahaya itu—mereka mempunyai **amanah syurgawi**. Pekerjaan utama mereka adalah mengkhabarkan Tuhan Yesus, Firman yang Hidup, yang dinyatakan dalam Alkitab. Jika mereka taat setia kepada misi mereka, mereka akan memberitakan Kristus. Sama seperti Yohanes Pembaptis, mereka harus “mengkhabarkan cahaya itu.”

Oleh itu, ingatlah tiga perkara tentang hamba Tuhan ini ketika anda ingat pastor anda—jika dia sudah lahir baru, percaya bahawa Alkitab itu adalah Firman Tuhan yang benar, membuktikan bahawa dia dipanggil oleh Tuhan, dan komited kepada pelayanan dengan setia serta memberitakan Firman dengan betul.

Ingatlah, sebagai manusia, dia mempunyai kesilapan dan keterbatasan. Bagaimanapun, sebagai manusia yang mendapat panggilan ilahi, dia seharusnya diperlakukan sebagai hamba Tuhan. Dan meskipun misinya adalah memberitakan Injil Kristus, anda bertanggungjawab untuk memberikan kerjasama dan sokongan doa kepada pastor anda supaya pelayanannya lebih berkesan.

Apa yang saya katakan dalam buku kecil ini tidak

dapat diterapkan kepada orang yang memberitakan injil lain, atau menolak penyelamatan adalah anugerah Tuhan yang hanya diperolehi dengan mempercayai-Nya, atau menyangkal ketuhanan Kristus, kelahiran-Nya daripada anak dara, hidup-Nya yang sempurna, karya-Nya untuk menebus manusia daripada dosa, kebangkitan tubuh-Nya daripada kematian, dan kedatangan-Nya semula. Orang yang tidak mengakui kebenaran-kebenaran Alkitab ini tidak boleh disebut “Seorang yang diutus oleh Allah.” Berhati-hatilah terhadap pemimpin buta yang memimpin orang buta!

Tujuan kita untuk mengkhabarkan Firman Tuhan adalah sama dengan tujuan Yohanes Pembaptis, yang “mengkhabarkan cahaya itu” dan memberitakan Kristus—Penyelamat orang berdosa,

satu-satunya harapan bagi dunia yang sesat dan menuju kebinasaan.

JEMPUTAN

Rasul Paulus menulis tentang Yesus:

Sebenarnya Dia ilahi, tetapi Dia tidak menganggap keadaan-Nya yang ilahi harus dipertahankan-Nya. Sebaliknya, Dia rela melepaskan segala-galanya, lalu menjadi seperti seorang hamba. Dia datang sebagai manusia, dan hidup seperti manusia. Dia merendahkan diri dan hidup dengan taat kepada Allah sehingga mati—iaitu mati di atas salib (Filipi 2:6-8).

Dan Rasul Yohanes menyatakan hal itu seperti berikut:

Firman itu sudah menjadi manusia dan tinggal antara kita (Yohanes 1:14).

Sementara hamba-hamba Kristus yang sejati adalah manusia yang diutus oleh Tuhan, hanya Tuhan Yesus yang menjadi Tuhan-manusia—Tuhan sejati dan manusia sejati. Mungkin anda tidak mempedulikan kata-kata saya dan pengkhotbah lain, tetapi jangan berani menghina Anak Tuhan, iaitu Tuhan Yesus Kristus. Dia Tuhan yang menjelma, Firman yang menjadi manusia. Dia datang ke dunia ini dengan tujuan memberi diri-Nya sebagai korban kerana dosa kita. Dia berkata:

Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan orang yang sesat (Lukas 19:10). Anak Manusia tidak datang untuk dilayani; Dia datang untuk melayani orang serta menyerahkan nyawa-Nya untuk membebaskan banyak orang (Markus 10:45).

Dan Rasul Paulus memberitahu kita:

Semasa kita dalam keadaan tidak berdaya, Kristus mati pada masa yang ditetapkan oleh Allah untuk menyelamatkan kita, orang yang jahat... Tetapi Allah telah menunjukkan betapa besarnya kasih-Nya kepada kita, kerana Kristus mati bagi kita semasa kita masih berdosa (Roma 5:6,8).

Oleh sebab Penyelamat datang dan menyediakan penebusan untuk kita melalui kematian-Nya di kayu salib, penyelamatan diberi sebagai anugerah dan diterima dengan iman. Alkitab berkata, "Kematian adalah upah dosa, tetapi hidup sejati dan kekal bersama-sama Kristus Yesus Tuhan kita adalah anugerah Allah" (Roma 6:23). Dan Yohanes memberi kita janji ini: "Tetapi kepada mereka

yang menyambut Dia dan percaya kepada-Nya, mereka diberikan-Nya hak menjadi anak Allah" (Yohanes 1:12).

Untuk menerima Yesus sebagai Penyelamat anda, ucapkanlah doa ini dengan iman pada saat ini:

Tuhan Yesus, saya mengaku bahawa saya berdosa dan tidak mampu menyelamatkan diri saya sendiri. Tetapi saya percaya bahawa Engkau mati dan mencurahkan darah-Mu kerana dosa saya, dan sekarang saya menerima Engkau sebagai Penyelamat saya. Saya percaya kepada-Mu, satu-satunya Tuhan yang memberi saya penyelamatan. Tolong selamatkan saya.

Adakah anda melakukannya? Jika ya, dan sungguh-sungguh melakukan apa yang anda ucapkan, maka bersyukurlah kepada Tuhan kerana Dia

menyelamatkan jiwa anda dan tuntutanlah janji dalam Roma 10.13 bahawa “Setiap orang yang berseru kepada Tuhan akan diselamatkan.”

Sekarang, jika anda telah menerima Kristus sebagai Penyelamat anda, maka anda seharusnya bergabung dengan gereja yang percaya pada Alkitab, mengajar Alkitab, dan memberitakan Injil. Dengan menjadi anggota gereja tiada kena-mengena dengan mendapatkan penyelamatan jiwa—penyelamatan adalah anugerah daripada rahmat Tuhan yang diterima dengan iman. Tetapi anda memerlukan tempat untuk mendengar pemberitaan Firman Tuhan, menikmati persekutuan dengan orang percaya yang lain, dan mendapat kesempatan untuk melakukan pelayanan Kristian.

KETERBATASAN MANUSIA

Saya pasti semua kita telah mendengar komen seperti berikut:

“Oh, pastor kami orang yang sangat baik, TETAPI...”

“Paderi kami guru Alkitab yang sangat mahir, TETAPI...”

“Pengkhotbah kami mempunyai keperibadian yang mengagumkan, TETAPI...”

Rupa-rupanya, meskipun dia ada banyak kebaikan, ada saja sesuatu tentang dia yang tidak disukai oleh mereka. “Dia mahir menerangkan Firman,” kata mereka, “tetapi dia bukan penginjil yang berkesan.” “Dia pengkhotbah yang hebat, tetapi lemah sebagai pastor.” “Hubungannya baik dengan orang-orang tua,” mereka mengakui, “tetapi golongan muda kelihatan

tidak suka dengan dia.” Dan mereka berkata tak henti-henti.

***Ramai hamba
Tuhan menghadapi
perjuangan
yang sukar dan
melemahkan
semangat.***

Ya, hampir di setiap gereja, sekurang-kurangnya ada satu kumpulan orang tidak dapat menahan diri daripada menunjukkan kesalahan pastor secara umum, walaupun mereka memberi komen yang baik. Oleh sebab itu, ramai hamba Tuhan menghadapi perjuangan yang sukar dan melemahkan semangat. Mereka melakukan yang terbaik, tetapi oleh sebab salah faham, ketidakpuasan, dan tentangan daripada kalangan jemaah, maka pekerjaan Tuhan menderita.

Dalam banyak kejadian, penyebab perkara ini adalah salah faham terhadap sifat dan pekerjaan pastor. Oleh itu, saya berdoa agar buku kecil ini yang menumpukan perhatian pada pastor dan jemaahnya, digunakan oleh Tuhan untuk memberi kita ilham baru terhadap perhubungan yang betul di antara pastor dan jemaahnya. Hal ini akan menggalakkan kerukunan dan kasih dalam gereja tempatan.

Dalam semua pelajaran kita tentang *Pastor dan Anda*, kita akan menggunakan tiga ayat dalam kitab Berita Baik yang disampaikan oleh Yohanes, sebagai dasar pembelajaran kita. Sila membaca:

Seorang bernama Yohanes diutus oleh Allah. Yohanes datang untuk memberitahu orang tentang cahaya itu, supaya semua orang mendengar dan percaya

kepada perkhabarannya. Dia sendiri bukan cahaya itu; dia datang untuk mengkhabarkan cahaya itu (Yohanes 1:6-8).

YOHANES PEMBAPTIS

Dalam ayat-ayat ini, tiga perkara telah disebut tentang Yohanes Pembaptis.

Pertama, dia seorang manusia. Yohanes bukan malaikat atau makhluk luar biasa. Sebaliknya, dia seorang manusia sama seperti kita. Ayat 6 bermula dengan kata-kata, “Seorang bernama.”

Kedua, dia seorang manusia yang “diutus oleh Allah.” Dia berbeza daripada orang lain kerana dia bagaikan bekas yang dipilih khas. Dia diutus khas oleh Tuhan.

Dan ketiga, dia seorang manusia yang diutus oleh Tuhan untuk “mengkhabarkan cahaya itu.” Dia diutus untuk

bersaksi tentang Kristus, Mesias yang dijanjikan itu, Penyelamat orang berdosa.

Oleh itu, ingatlah akan tiga fakta tentang Yohanes Pembaptis:

1. Dia mempunyai keterbatasan manusia—dia seorang “manusia.”
2. Dia mempunyai kewibawaan ilahi—dia “diutus oleh Allah.”
3. Dia mempunyai amanah syurgawi—dia datang “untuk mengkhabarkan cahaya itu.”

Ciri-ciri yang sama terdapat pada setiap pastor yang diutus oleh Tuhan pada hari ini.

MANUSIA PILIHAN TUHAN

Pertama-tama, mari kita ingat bahawa semua pastor adalah manusia. Mereka dibatasi dan dihindari oleh keterbatasan manusia

seperti yang dialami oleh semua orang lain. Dengan merujuk kepada Yohanes Pembaptis, penulis kitab Injil dalam Yohanes 1.6 memberitahu kita bahawa "Seorang bernama." Dan dalam frasa yang pendek ini kita mendapat gambaran semua hamba Tuhan. Tuhan telah menetapkan bahawa manusia akan menjadi saluran yang mengkhabarkan Firman kepada orang lain, meskipun kita mempunyai banyak kesilapan dan kegagalan.

Saya kagum akan pilihan Tuhan. Saya tidak pernah berhenti bertanya akan sebabnya Dia memilih saya, bekas yang goyah, lemah, dan tidak layak, untuk memberitakan berita baik. Dari sudut pandangan manusia, adalah lebih baik bagi-Nya untuk mengutus malaikat untuk menyampaikan Firman, atau mencipta utusan khas untuk mengkhabarkan

mesej-Nya. Mereka pasti dapat melakukan kerja dengan sempurna dan tiada sesiapa pun akan bersungut atau mengkritik. Tiada seorang pun yang dapat berkata, "Oh, dia baik juga, TETAPI..." Bagaimanapun, Tuhan melihat bahawa Dia patut memilih manusia!

Tuhan memilih orang yang juga memerlukan Penyelamat dan menempatkan mereka dalam kedudukan yang istimewa, untuk menjadi penyampai berita penebusan yang mulia kepada orang lain. Rasul Paulus memberi perintah kepada sahabat mudanya, Timotius:

Ajaran yang engkau dengar ketika aku mengisytiharkannya di hadapan banyak saksi, hendaklah engkau percayakan kepada orang yang boleh dipercayai dan yang dapat mengajar orang lain (2 Timotius 2:2).

Hakikat bahawa pastor-pastor kita adalah manusia dengan segala kekurangan dan ciri-ciri manusia lain seharusnya jelas kepada semua orang. Bagaimanapun, hakikat ini seolah-olah mudah sekali dilupakan ketika kita membuat tuntutan terhadap hidup dan pelayanan mereka. Akibatnya, terlalu ramai orang di gereja-gereja kita mengharapkan terlalu banyak dan terus-menerus mengkritik pengkhotbah mereka dengan komen seperti: “Oh, pastor kami orang yang hebat, TETAPI...” “Dia seorang pengkhotbah yang baik, tetapi dia tidak tahu bagaimana memperlakukan orang.” “Pastor kami mengkaji Firman dengan tekun, tetapi dia pentadbir yang amat lemah.”

Seorang wanita memberitahu saya, “Pastor kami memang orang yang dipilih oleh Tuhan. Dia

melakukan apa yang dikhotbahkannya. Tidak ada kekurangan dalam hidupnya. Tetapi rasanya sukar untuk mendekatinya. Kamu tahu maksud saya, dia jenis orang yang kita tidak selesa memanggil namanya terus.” Wanita ini boleh saja berkata, “Saya percaya dia belajar Firman dengan tekun dan berdedikasi, dan dia adalah hamba Tuhan yang luar biasa; tetapi saya memang tidak suka keperibadiannya.”

Wanita ini sebenarnya seorang pemimpin Kristian yang baik. Meskipun dia sepatutnya tahu, namun dia gagal menyedari bahawa, walaupun pastornya telah mendapat panggilan ilahi dan mempunyai kelayakan rohani yang mengagumkan, dia tetap seorang manusia seperti semua orang lain. Oleh itu dia tidak mungkin menjadi orang sempurna seperti yang diinginkan oleh wanita tersebut. Dan

***Apabila seseorang
dipanggil untuk
menjadi pastor gereja,
dia diharapkan agar
mempunyai kelayakan
yang hampir
di luar kemampuan
manusia biasa.***

bukan wanita ini sahaja. Oleh yang demikian, apabila seseorang dipanggil untuk menjadi pastor gereja, dia diharapkan agar mempunyai kelayakan yang hampir di luar kemampuan manusia biasa:

- Dia mesti pengkhotbah yang baik.
- Dia mesti pelajar Alkitab yang mahir.
- Dia mesti seorang penginjil yang bersemangat.
- Dia mesti seorang pastor yang berbelas kasihan.
- Dia mesti mempunyai

kebijaksanaan Salomo.

- Dia mesti mempunyai keperibadian yang menyenangkan dan wajah yang tampan.
- Dia mesti seorang peniaga yang pintar dan pentadbir yang efektif dan cekap.
- Ideanya mesti kreatif dan asli.

Dan senarainya tidak berhenti. Kasihanlah pengkhotbah yang tidak mempunyai semua kelayakan tersebut. Orang akan berkata, “Oh, dia mempunyai pendapat yang baik, TETAPI...”

Tidak lama dahulu saya membaca sebuah artikel yang bertajuk, “Kelayakan Seorang Pastor yang Baik,” dan ini menonjolkan lagi tuntutan yang tidak wajar yang sering dikenakan terhadap hamba-hamba Tuhan. Artikel itu adalah seperti berikut: “Seorang pastor yang baik mesti mempunyai:

kekuatan lembu jantan,
ketabahan anjing *bulldog*,
keberanian singa,
hikmat burung hantu,
kebaikan merpati,
kerajinan berang-berang
(anjing air),
kelembutan domba,
kebolehan mengikut
keadaan seperti sumpah-
sumpah,
penglihatan burung
helang,
kulit badak air,
sudut pandangan zirafah,
ketahanan unta,
kecergasan kanggaru,
keberanian kuda,
sifat malaikat,
kesetiaan rasul dan nabi,
kelembutan gembala,
semangat penginjil,
kasih sayang ibu,
—dan dia masih tidak
dapat menyenangkan hati
semua orang!”

Masih ada orang yang
berkata, “Oh, dia baik juga,
TETAPI...” Ingatlah, Alkitab
berkata, “Ada seorang
bernama.” Sebagai manusia,

pastor anda tidak mungkin
mahir dalam segala perkara,
ataupun melakukan semua
hal dengan sempurna. Dia
mempunyai kekurangan
dan kegagalan kerana
Tuhan ingin memakai
manusia, dan sering kali
Dia memilih orang yang
paling lemah. Rasul Paulus
mengisytiharkan:

*Saudara-saudaraku!
Ingatlah akan keadaan
kamu semasa Allah
memanggil kamu.
Menurut pandangan
manusia hanya sedikit
antara kamu yang bijak,
atau berkuasa ataupun
berkedudukan tinggi.
Allah sengaja memilih
orang yang dianggap
bodoh oleh dunia ini,
untuk mempermalukan
orang yang bijak. Allah
juga memilih orang
yang dianggap lemah
oleh dunia ini untuk
mempermalukan orang
yang berkuasa. Allah
memilih orang yang*

dianggap rendah, hina dan tidak berguna oleh dunia ini, untuk menghancurkan orang yang dianggap penting oleh dunia ini. Hal ini berarti tidak seorang pun dapat memegahkan diri di hadapan Allah (1 Korintus 1:26-29).

***Sebagai manusia,
pastor anda
tidak mungkin mahir
dalam segala hal, dan
dia juga tidak boleh
melakukan
segala sesuatu
dengan sempurna.***

Oleh itu, jangan harapkan pastor anda seorang yang sempurna dan mahir dalam segala segi pelayanan. Dan jangan berasa terlalu hairan apabila anda mendapati bahawa dia bukan gabungan guru Alkitab

yang mahir, penginjil yang bersemangat dan berkesan, pastor yang berbelas kasihan, pengkhotbah yang mendorong, pentadbir yang cekap, dan peniaga yang pintar; semuanya terkumpul dalam satu orang. Tuhan sendiri tidak menuntut semua itu. Rasul Paulus menulis:

Itulah sebabnya aku lari terus ke garis penamat. Seperti petinju, aku tidak mahu meniadakan tumbukanku. Aku melatih diri dengan giat supaya aku dapat menguasai diri. Aku berbuat demikian, supaya aku tidak ditolak, setelah aku mengkhabarkan Berita Baik kepada orang lain (1 Korintus 9:26-27).

Sambil mengingat semua perkara ini, saya mendorong anda untuk mendoakan pastor anda dan jangan mengkritik dia. Bagaimanapun, jika anda tidak dapat memendamkan

sungutan anda dan anda harus meluahkannya kepada seseorang, maka bercakaplah kepada Tuhan. Dan sementara anda bercakap, doakan dia. Orang yang paling memerlukan doa umat Tuhan pada hari ini adalah orang yang melayani sebagai pastor. Saya tidak tahu pekerjaan lain yang sangat menuntut tetapi pada masa yang sama sangat melemahkan semangat. Dan sedikit saja pekerjaan lain yang saya tahu dapat menawarkan peluang kegagalan yang begitu banyak.

Pastor bukan saja menghadapi percubaan daripada sifatnya sendiri yang berdosa dan dari dunia, tetapi juga kritikan daripada anggota jemaah yang tidak murni dan kebencian orang berdosa. Oleh sebab itu, dia menjadi sasaran khas untuk anak panah berapi Iblis. Dengan itu, berdoalah baginya dan

doronglah dia. Sudah berapa lama sejak anda berjabat tangan dengan pastor dan mengucapkan terima kasih atas pelayanannya? Anda akan hairan, bahkan terkejut, jika anda tahu berapa ramai pastor yang melayani selama berminggu-minggu dan berbulan-bulan, menerima hanya sedikit kata-kata dorongan. Entah kenapa orang beranggapan bahawa pengkhutbah tidak memerlukan kata-kata dorongan seperti orang lain. Tetapi sebagaimana anda menghargai “tepukan di belakang” sebagai penghargaan tugas yang dibuat dengan baik, demikian juga pastor anda menyambut ucapan terima kasih dan sokongan moral daripada anda—bukan pujian yang akan membesarkan egonya, tetapi kata-kata kesyukuran yang ikhlas atas pelayanannya yang setia untuk memberitakan Firman.

Saya berharap anda akan ingat pelajaran yang dicadangkan oleh dua perkataan dalam Yohanes 1.6. “Ada seorang.”

Entah kenapa orang beranggapan bahawa pengkhotbah tidak memerlukan kata-kata dorongan seperti orang lain.

Tuhan memakai orang yang memiliki segala kesilapan dan kegagalan untuk “mengkhabarkan cahaya itu.” Mereka memerlukan doa anda. Mereka memerlukan dorongan anda. Dan mereka memerlukan bantuan anda. Adakah pastor anda mendapat sokongan seperti itu daripada anda? Jika dia sudah dilahir baru, dipanggil oleh Tuhan, dan setia memberitakan Firman, maka dia layak mendapatkan

kesetiaan dan kerjasama anda.

Oleh itu, fikirkan hal-hal ini. Selepas itu, jadilah orang yang memberi dorongan kepada pastor anda.

Kewibawaan Ilahi

Berikut adalah beberapa soalan bernas yang boleh ditanya kepada anggota jemaah dari semasa ke semasa:

Adakah anda memperlakukan pastor anda dengan cara berlainan pada minggu lepas sekiranya ada orang memberitahu anda bahawa dia adalah “utusan” istimewa dari takhta Tuhan sendiri?

Adakah anda akan mengkritik pastor anda dengan begitu teruk atau mengumpat dia, sekiranya anda tahu bahawa dia telah dipilih dan dilantik oleh Tuhan sendiri untuk

melaksanakan tugas yang sedang dilakukannya sekarang?

Saya pasti ramai orang akan mengaku bahawa sikap, tindakan, dan kata-kata mereka akan berbeza terhadap pastor mereka sekiranya mereka diberitahu bahawa Tuhan telah menempatkan pastor di gereja-gereja mereka untuk tujuan tertentu.

Ramai hamba Tuhan diperlakukan dengan cara yang memalukan kerana kita lupa bahawa mereka adalah manusia yang mempunyai kelemahan, seperti yang kita lihat dalam pelajaran yang lalu. Mereka adalah utusan Tuhan—jika mereka sungguh-sungguh dalam panggilan mereka.

Kebenaran ini dicadangkan bagi kita dalam Yohanes 1. Rasul itu menulis:

Seorang bernama Yohanes diutus oleh Allah. Yohanes datang

untuk memberitahu orang tentang cahaya itu, supaya semua orang mendengar dan percaya kepada perkhabarannya. Dia sendiri bukan cahaya itu; dia datang untuk mengkhabarkan cahaya itu (Yohanes 1:6-8).

PANGGILAN PASTOR

Tiga perkara telah disebut di sini tentang Yohanes Pembaptis. Pertama, ***dia seorang manusia***. “Seorang bernama Yohanes” (ayat 6). Dia makhluk yang dilahirkan di dunia dengan keterbatasan.

Kedua, ***dia diutus oleh Tuhan***. “Seorang bernama Yohanes diutus oleh Allah” (ayat 6). Dia berbeza daripada orang lain. Dia memang manusia, tetapi orang yang diamanahkan oleh Tuhan sendiri.

Ketiga, ***dia diutus untuk memberitakan Kristus, Anak Tuhan yang***

diurapi. “Yohanes datang untuk memberitahu orang tentang cahaya itu” (ayat 7).

Tujuan hidup Yohanes adalah menjadi saksi bagi Tuhan Yesus Kristus. Dan tiga perkara yang sama boleh dikatakan sebagai ciri setiap pastor yang sudah dilahir baru, dipanggil oleh Tuhan, percaya bahwa Alkitab adalah Firman Tuhan yang benar dan tanpa kesalahan, dan hidup dalam ketaatan kepadanya. Ya, memang mereka manusia—mereka mempunyai keterbatasan. Mereka diutus oleh Tuhan—mereka mempunyai kewibawaan ilahi. Mereka diutus oleh Tuhan untuk mengkhabarkan cahaya itu—mereka mempunyai amanah syurgawi.

TANGGUNGJAWAB JEMAAH

Dalam pelajaran kedua, kita menitikberatkan aspek

manusia bagi mereka yang terlibat dalam pelayanan, dan kita menegaskan bahwa perkara ini seharusnya mengingatkan kita tentang keperluan pastor akan dorongan, pengertian, dan sokongan doa.

Rasul Paulus, salah seorang pengkhotbah yang terkemuka mengenali keterbatasannya sendiri. Dalam 1 Korintus 9:27 dia berkata:

Aku melatih diri dengan giat supaya aku dapat menguasai diri. Aku berbuat demikian, supaya aku tidak ditolak, setelah aku mengkhabarkan Berita Baik kepada orang lain.

Dia juga mengisytiharkan dalam Roma 7:

Aku tahu bahawa tidak ada sesuatu pun yang baik dalam diriku... Alangkah malangnya aku ini! Siapakah yang dapat menyelamatkan aku daripada tubuh ini yang

membawa aku kepada kematian? (ayat 18,24).

Ingatlah kata-kata, “Seorang bernama.” Oleh sebab pastor anda adalah seorang manusia, dia memerlukan doa dan dorongan anda. Bukan sahaja kita membaca dalam Yohanes 1.6, “Seorang bernama,” tetapi ayat itu terus menyatakan, “Seorang bernama Yohanes diutus oleh Allah.” Dan apabila hakikat ini diterapkan pada pastor, ia boleh memberi kita pandangan yang seimbang terhadap peribadi dan pekerjaannya. Jika dia hanya dilihat sebagai manusia, pasti ada yang berfikir, “Oleh sebab pastor saya adalah manusia seperti saya dan cenderung kepada kelemahan dan percubaan yang sama, kenapa pula saya perlu mendengarkan dia? Dia bukannya lebih baik daripada saya.” Tetapi walaupun benar dia hanya

manusia, memang benar juga bahawa orang yang mempunyai panggilan yang sungguh adalah utusan Tuhan. Oleh yang demikian, mereka layak diberi penghormatan dan penghargaan—bukan kerana mereka semestinya lebih baik, tetapi kerana mereka mempunyai panggilan syurgawi.

Hal ini membawa kita kembali kepada soalan pembukaan kita: Bagaimanakah anda memperlakukan pastor anda sekiranya anda diberitahu bahawa dia utusan istimewa daripada Tuhan? Adakah anda akan mengungkapkan kata-kata yang sama mengenai dia? Adakah anda mengkritik tabiatnya di mimbar? Adakah anda menunjukkan kelemahan penyampaiannya dan kesalahan tatabahasanya? Adakah anda memburuk-burukkan dia? Sekiranya

anggota jemaah menyedari bahawa pastor itu adalah orang yang “diutus oleh Allah,” meskipun dia mempunyai banyak kelemahan, saya pasti banyak daripada kritikan remeh-temeh di gereja-gereja kita akan dihapuskan.

Bagaimanapun, ada sebilangan orang pasti menjawab, “Rupanya kamu tidak faham. Pastor kami tidak begitu bijak. Kadang-kadang, dia tidak begitu pandai menerangkan pendapatnya. Dia selalu mengatakan sesuatu yang menyinggung perasaan. Dan beberapa tabiatnya sudah cukup untuk membuat orang lari. Kamu tidak kenal pastor kami.”

Oh, ya, saya kenal. Saya kenal dia dengan baik. Anda tahu, saya kenal diri saya, dan dia juga seperti saya—seorang manusia yang mempunyai kelemahan. Tetapi jika

dia hamba Kristus yang sejati, maka (seperti apa yang dikatakan mengenai Yohanes Pembaptis) dia diutus oleh Tuhan, dan “jawatan” istimewanya menuntut penghormatan daripada anda. Saya tidak berkata bahawa anda harus menyembah dia atau menempatkan dia dalam kedudukan pelayan gereja yang teramat tinggi. Tetapi dia harus dihormati kerana panggilanannya.

Dalam Roma 10, Rasul Paulus membuat komen berikut tentang orang yang memberitakan Injil:

Tetapi bagaimanakah mereka dapat berseru kepada Tuhan jika mereka belum percaya kepada-Nya? Bagaimanakah mereka dapat percaya kepada-Nya jika mereka belum mendengar perkhabaran tentang Dia? Bagaimanakah mereka dapat mendengar

perkhabaran itu, jika tidak ada yang mengisytiharkannya? Bagaimanakah perkhabaran itu dapat diisytiharkan jika tidak ada orang yang diutus untuk mengisytiharkannya? Di dalam Alkitab tertulis begini, “Alangkah baiknya ketibaan orang yang membawa Berita Baik daripada Allah!” (ayat 14-15).

Walaupun pastor yang benar-benar diutus oleh Tuhan harus diperlakukan dengan hormat, sedihnya ada juga masa-masa apabila hidup mereka tidak sesuai dengan ajaran Firman Tuhan. Ada sebilangan orang sengaja melanggar peraturan Firman Tuhan, sehingga mendatangkan kemarahan secara terbuka dan umum terhadap ajaran Kristus. Tetapi meskipun hal ini berlaku, orang sesama Kristian tidak sepatutnya

terlibat dalam kempen peribadi untuk menentang pengkhotbah tersebut. Sebaliknya, dia sepatutnya menangani masalah itu secara peribadi dan diam-diam dengan keprihatinan dan kasih terhadap pastor itu dan pekerjaan Tuhan. Dan apa pun yang dilakukan seharusnya dibungkus dalam doa dan dilaksanakan dengan sangat berhati-hati untuk menghalang tindakan yang tidak adil, tidak perlu, atau kejam terhadap orang yang bukan saja saudara dalam Kristus, tetapi juga hamba Tuhan yang dipilih khas oleh-Nya.

Dalam 1 Samuel 26, kita membaca kisah Daud yang menyelamatkan nyawa Raja Saul. Teladan ini menunjukkan bahawa kita sepatutnya sangat berhati-hati apabila menangani orang yang telah dilantik oleh Tuhan untuk memegang kedudukan yang diberi kepercayaan dan

tanggungjawab. Cerita dalam Perjanjian Lama memberi kita latar belakangnya. Daud telah dipilih untuk menjadi raja baru Israel, tetapi Saul masih berada di takhta kerajaan. Oleh sebab Saul terlalu dikuasai oleh iri hati, dia mengejar Daud dengan tidak henti-henti, dan ingin membunuh dia. Pada suatu malam, Daud dan pasukannya datang ke kem Saul semasa dia tidur dengan nyenyak. Itulah peluang yang sangat baik. Daud boleh saja menghapuskan musuh besarnya, tetapi dia tidak berbuat demikian. Berikut adalah catatan pengalamannya:

Pada malam itu Daud dan Abisai menyelinap ke dalam perkhemahan Raja Saul, lalu melihat Raja Saul sedang tidur di tengah-tengah perkhemahan. Tombak Raja Saul tertancap di tanah dekat kepalanya.

Abner dan pasukannya tidur di sekeliling Raja Saul. Abisai berkata kepada Daud, "Allah telah menyerahkan musuh tuan kepada tuan pada malam ini. Benarkanlah saya menancapkan tombaknya sendiri ke badannya sehingga tembus ke tanah. Saya akan membunuh dia dengan sekali tikaman saja, tidak usah sampai dua kali!" Tetapi Daud berkata, "Janganlah kauapa-apakan baginda! Tentu TUHAN akan menghukum orang yang berbuat jahat kepada raja yang dipilih-Nya. Demi TUHAN yang hidup, aku tahu bahawa TUHAN sendiri akan membunuh Raja Saul, sama ada oleh kematian biasa ketika akhir hayatnya sudah sampai, ataupun disebabkan oleh peperangan. Kiranya TUHAN mencegah aku

membunuh raja yang dipilih-Nya!”

(1 Samuel 26:7-11).

Memang saya sedar bahawa ada perbezaan besar di antara raja Israel dan pastor gereja. Tetapi sebagaimana Daud sangat menghormati Saul, orang yang diurapi oleh Tuhan, maka kita pun harus sangat berhati-hati supaya tidak menentang sesiapa pun yang “diutus oleh Allah,” dengan cara yang tidak adil.

Bagaimanapun, saya masih terbayang-bayang orang berkata, “Pastor saya tidak melaksanakan tugas yang sepatutnya. Jemaah menderita. Dia seharusnya berhenti. Bagaimana kita menangani keadaan seperti itu? Saya memang menghormati dia dan tidak mahu melukai hatinya atas alasan apa pun.” Mungkin artikel ini yang dimuatkan dalam buletin gereja akan menarik perhatian anda. Tajuknya

adalah, “Bagaimana Memberhentikan Pastor.”

Tidak berapa lama dahulu sekumpulan pelayan gereja dari gereja jiran datang berjumpa saya dengan niat baik. Mereka ingin meminta nasihat saya tentang cara yang mudah dan tidak menyakitkan untuk memberhentikan pastor mereka. Namun, saya tidak begitu tahu cara membantu mereka. Pada masa itu, saya belum ada masa untuk betul-betul memikirkan hal itu. Tetapi sejak itu, saya telah memikirkannya dengan dalam-dalam, dan jika ada orang datang untuk minta nasihat tentang cara memberhentikan pastor, inilah yang akan saya katakan:

1. Tataplah pastor semasa dia berkhotbah dan katakan “Amin!” dari

semasa ke semasa,
dan dia akan ber-
khutbah sampai mati.

2. Ucapkan kata-kata yang memberi dorongan dan hebohkan kekuatannya, mungkin dia akan bekerja sampai mati.
3. Serahkan semula hidup anda kepada Kristus dan minta pengkhutbah memberi anda tugas, contohnya membawa orang kepada Kristus, dan dia akan terkena serangan jantung kerana terlalu terkejut.
4. Bawalah jemaah untuk bersatu dalam doa bagi pengkhutbah, dan dia akan segera menjadi sangat berhasil sehingga gereja yang lebih besar akan mengambilnya daripada anda.

Sekiranya jemaah dapat mendoakan pastor mereka sebagai manusia

dan menghormati mereka sebagai orang yang diutus oleh Tuhan, maka banyak masalah boleh dielakkan. Jemaah akan dipandang dengan lebih baik oleh masyarakat, dan anak-anak bersikap lebih menyokong dalam berkongsi Berita Baik.

Banyak kali saya mendengar orang berkata, "Saya tidak faham mengapa minat anak-anak saya sedikit sekali terhadap gereja selepas mereka besar. Mereka seolah-olah tidak ambil peduli lagi." Patutkah ibu bapa bertanya seperti itu setelah anak-anak mereka mendengar semua kritikan ini? Ahad demi Ahad mereka mempunyai "pastor panggang" sebagai makan malam. Khutbah pastor dikritik, tabiatnya di mimbar ditertawakan, dan penampilannya serta pakaiannya diejek oleh ibu bapa. Kemudian mereka hairan mengapa anak-anak mereka tiada minat terhadap

Sekiranya jemaah dapat mendoakan pastor mereka sebagai manusia, dan menghormati mereka sebagai orang yang diutus oleh Tuhan, maka banyak masalah boleh dielakkan.

gereja dan pengkhotbah! Jika anda mempunyai anak-anak di rumah, berhati-hatilah apabila mengkritik pastor di hadapan mereka. Anda sebagai ibu bapa yang setia harus bertanggungjawab untuk menanam rasa hormat dalam minda anak-anak terhadap orang yang diutus oleh Tuhan, orang yang melayani sebagai gembala di bawah Gembala Agung. Oleh itu, jangan lupa. Pastor anda adalah seorang

manusia, orang yang diutus oleh Tuhan, dan manusia yang diutus oleh Tuhan untuk mengkhabarkan cahaya itu.

Izinkan saya mengatakan kata-kata khusus ini kepada anda jika anda belum pernah menyambut Yesus Kristus sebagai Penyelamat anda. Selagi anda melihat pada manusia, anda akan kecewa. Bahkan pengkhotbah yang paling baik di dunia pun, meskipun dia diutus oleh Tuhan, dia masih tertakluk pada kegagalan manusia. Bagaimanapun, ada seorang yang tidak mengecewakan anda. Dia adalah Tuhan Yesus Kristus, Tuhan-manusia. Di kalangan semua manusia, Dialah satu-satunya yang telah menjalani hidup yang sempurna. Dia tidak berdosa sedikit pun, dan tidak perlu mati seperti orang lain. Namun, Dia menanggung kesalahan kita, pergi ke

kayu salib, mencurahkan darah-Nya kerana dosa kita, dan telah dibangkitkan daripada kematian. Dan kini pengampunan dosa dan kehidupan kekal boleh menjadi milik anda jika anda mengakui kesalahan dan percaya kepada-Nya untuk mendapatkan penyelamatan. Alkitab menyatakan:

Jika kamu mengaku di hadapan orang bahawa "Yesus itu Tuhan," dan kamu sungguh-sungguh percaya bahawa Allah sudah membangkitkan Yesus daripada kematian, kamu akan diselamatkan. Kerana kita sungguh-sungguh percaya, kita diterima oleh Allah sebagai orang yang sudah berbaik semula dengan-Nya. Kerana kita mengakui Yesus di hadapan orang, kita diselamatkan (Roma 10:9-10).

Amanah Syurgawi

Orang yang terlalu banyak kerja di dunia adalah orang yang melayani keperluan manusia yang asas dan mendesak. Saya berfikir khasnya bagi pekerja gereja, dan khususnya para pastor gereja. Tuntutan terhadap tenaga mereka, secara fizikal dan emosi, sering menyebabkan mereka hampir tidak berdaya sama sekali.

Sementara kita meneruskan perbincangan tentang *Pastor dan Anda*, saya tidak terlalu risau dengan jumlah kerja yang harus dilakukan oleh pastor, tetapi saya lebih bimbang terhadap jenis aktiviti. Misalnya, tidak berapa lama dahulu saya membaca satu artikel dalam majalah yang menggambarkan kegiatan seorang pastor gereja dalam satu hari, dan kegiatan ini

menggambarkan jadual aktiviti hariannya. Ia seperti berikut:

“Setibanya di gereja pada pukul 8 pagi, dia seharusnya menggunakan sekurang-kurangnya 2 jam untuk membuat persiapan bagi khutbahnya pada hari Ahad, ucapan kepada satu kelab perkhidmatan tempatan, dan lima khutbah bagi siaran radio pada minggu akan datang. Lalu dia diingatkan oleh kerani bahawa buletin gereja harus dicetak pada tengah hari dan pastor harus menulis satu artikel untuk buletin itu. Dia juga harus membuat tiga panggilan telefon, dan salah satunya adalah kepada pengerusi komiti kewangan gereja.

Selepas menyelesaikan semua itu, dia hanya ada 30 minit untuk mempersiapkan khutbah radio yang akan

diiarkan, kerana pada pukul 10 pagi dia harus berjumpa dengan komiti aturcara Persatuan Pelayanan. Tetapi semasa dia mulai membuat persiapan, dia diberitahu bahawa ibu kepada presiden bagi salah satu pertubuhan wanita dalam gereja telah meninggal, dan dia diperlukan untuk memberi penghiburan kepada keluarga itu dengan serta-merta. Perkara ini menyebabkan dia tidak dapat menghadiri mesyuarat Persatuan Pelayanan; tetapi dia boleh menghadiri makan tengah hari pada pukul 12.30 yang dianjurkan oleh Cawangan Wanita. Selepas ini, dia mengajar dalam satu kelas pembelajaran. Pada pukul 2 petang dia mengendalikan satu perkahwinan. Pada pukul 3 petang dia memulakan

lawatan yang biasa dibuatnya di hospital-hospital bandar, dan selepas itu dia hanya sempat pergi ke makan malam anjuran kaum lelaki, dan dia diminta berdoa. Makan malam itu berlangsung sehingga pukul 7.30 malam, dan hanya memberi masa sedikit untuk pastor bergegas ke Mesyuarat Komiti Dana Gereja. Selepas itu, pelayanannya pada hari tersebut selesai dan dia sampai di rumah kira-kira pada pukul 9.30 malam.”

Itulah yang diceritakan oleh seorang pastor tentang cara dia menggunakan satu hari. Adakah dia menunaikan tanggungjawabnya sebagai pastor gerejanya? Adakah cara ini dikehendaki oleh Tuhan untuk menggunakan harinya? Apabila seseorang menjadi pastor suatu jemaah, adakah wajar

baginya untuk menggunakan kebanyakan masanya dalam mesyuarat pentadbiran, mesyuarat kepimpinan, mesyuarat komiti, mesyuarat perancangan bajet, mesyuarat pembinaan, pertemuan makan tengah hari, makan malam, dan jamuan makan?

Jawapan bagi soalan-soalan ini dicadangkan oleh bahagian Firman Tuhan yang kita gunakan sebagai dasar pelajaran kita dalam siri ini:

Seorang bernama Yohanes diutus oleh Allah. Yohanes datang untuk memberitahu orang tentang cahaya itu, supaya semua orang mendengar dan percaya kepada perkhabarnya. Dia sendiri bukan cahaya itu; dia datang untuk mengkhabarkan cahaya itu (Yohanes 1:6-8).

TIGA CIRI

Dalam ayat-ayat ini, ada tiga ciri yang disebut tentang Yohanes Pembaptis.

Pertama, **dia manusia**. Yohanes bukan malaikat, dia manusia yang ada keterbatasan.

Kedua, dia orang yang **diutus oleh Tuhan**.

Walaupun dia tertakluk pada kelemahan tubuh, dia tetap manusia yang diutus oleh Tuhan—dia datang dengan kewibawaan ilahi.

Ketiga, dia manusia yang diutus oleh Tuhan **untuk mengkhabarkan cahaya itu**. Tugas uniknya adalah memberitakan Kristus. Ayat 8 mengulangi penekanan ini dalam tugasnya. Rasul Yohanes menulis, “Dia sendiri bukan cahaya itu; dia datang untuk mengkhabarkan cahaya itu.”

Ya, Yohanes Pembaptis seorang manusia—dia mempunyai **keterbatasan**. Dia diutus oleh Tuhan—dia ada **kewibawaan ilahi**.

Dia diutus oleh Tuhan untuk mengkhabarkan cahaya itu—dia mempunyai **amanah syurgawi**. Dia harus memberitakan Kristus.

Ketiga-tiga ciri ini juga terdapat dalam pembawa Injil yang sebenar pada hari ini. Sebagai manusia, mereka tertakluk pada kelemahan dan kegagalan manusia, oleh itu mereka memerlukan doa kita. Sebagai orang yang diutus oleh Tuhan, mereka layak mendapat penghormatan kita dan seharusnya dipandang tinggi kerana pelantikan ilahi mereka. Sama seperti Yohanes, panggilan mereka adalah untuk mengkhabarkan cahaya itu. Dan hal ini memberi kita jawapan-jawapan kepada soalan-soalan kita tentang aktiviti seorang pastor.

Sebagaimana tugas Yohanes Pembaptis adalah menjadi saksi kepada cahaya itu, maka pada

hari ini, tugas orang yang diutus oleh Tuhan adalah untuk memberitakan Kristus. Maka, jalan yang terbaik untuk melaksanakan amanah ini adalah melalui pemberitaan Firman Tuhan dengan setia. Menjelaskan Firman mesti menjadi keutamaan atas segala sesuatu dalam hidup orang yang dipanggil “untuk mengkhabarkan cahaya itu.” Apa pun yang mengganggu mereka daripada melaksanakan tugas ini—apa sahaja yang melemahkan keberkesanan mereka dalam pemberitaan Kristus, Firman yang Hidup itu melalui Alkitab—mesti dielakkan dengan berhati-hati.

Keutamaan tinggi yang harus diberi kepada pemberitaan Firman oleh hamba-hamba yang dipanggil oleh Tuhan sudah diterangkan dengan amat jelas dalam Kisah Rasul 6. Dalam bahagian

ini kita membaca tentang keadaan yang berlaku dalam gereja awal, dan jika tidak ditangani dengan tepat, ia boleh mengalihkan tumpuan para rasul.

Tidak berapa lama kemudian, apabila bilangan pengikut Yesus semakin bertambah, berlakulah pertengkaran antara orang Yahudi yang berbahasa Yunani dengan orang Yahudi yang berbahasa Ibrani. Orang Yahudi yang berbahasa Yunani berkata bahawa balu di kalangan mereka tidak menerima bantuan wang sehari-hari (Kisah Rasul 6:1).

Besar kemungkinan, “bantuan wang sehari-hari” itu merujuk kepada pengagihan wang dan makanan kepada balu-balu di gereja Yerusalem. Dan berikut adalah perkara yang dilakukan untuk menangani masalah tersebut:

Oleh itu, dua belas orang rasul itu mengumpulkan semua pengikut Yesus dan berkata kepada mereka, “Tidak patut kami abaikan tugas mengkhabarkan firman Allah untuk mengurus masalah kewangan” (ayat 2).

Sebagai orang yang bertanggungjawab, mereka tidak boleh mengabaikan balu-balu yang miskin ini. Tetapi mereka mengambil keputusan, “Tidak patut kami abaikan tugas mengkhabarkan firman Allah untuk mengurus masalah kewangan” (ayat 2). Kita patut memahami bahawa mengurus masalah kewangan memang bukan tugas mereka. Mereka tidak dipanggil untuk itu. Tanggungjawab mereka adalah untuk berdoa dan memberitakan Firman Tuhan. Mereka tidak menganggap diri terlalu baik atau terlalu penting untuk

pelayanan seperti itu, tetapi mereka menyedari bahawa mereka tidak dipanggil untuk pelayanan itu. Oleh itu, cuba perhatikan apa yang dilakukan oleh mereka. Semoga kita belajar daripada perkara ini! Mereka berkata:

Oleh itu, pilihlah tujuh orang di kalangan saudara yang dikuasai oleh Roh Allah dan juga bijaksana. Lalu kami akan menugaskan mereka mengurus hal itu. Kami sendiri akan menggunakan masa kami untuk berdoa dan memberitakan perkhabaran daripada Allah (ayat 3-4).

Tujuh orang lelaki yang mempunyai Roh Tuhan dan boleh dipercayai telah dilantik untuk mengawasi keperluan balu-balu, agar para pemimpin yang menjadi pendidik boleh (dan saya suka dengan perkataan ini) “menggunakan masa kami untuk berdoa dan

memberitakan perkhabaran daripada Allah.” Dan Tuhan memberkati mereka dengan cara yang istimewa. Ayat 7 memberitahu kita bahawa “Dengan demikian perkhabaran daripada Allah semakin tersebar luas dan bilangan pengikut Yesus di Yerusalem pun bertambah-tambah. Banyak imam juga percaya kepada Yesus.”

Selepas menyerahkan tanggungjawab dengan sewajarnya untuk memperhatikan keperluan jasmani jemaah kepada sekumpulan pembantu pemimpin, para rasul, orang “yang diutus oleh Allah” untuk “mengkhabarkan cahaya itu,” menggunakan seluruh masa mereka supaya berdoa dan memberitakan perkhabaran Tuhan. Hasilnya, “perkhabaran daripada Allah semakin tersebar luas dan bilangan pengikut Yesus di Yerusalem pun bertambah-tambah.”

Dan pada hari ini, bila saja anda mendapati gereja yang mempunyai pastor yang sudah lahir baru dan berdedikasi, serta menggunakan masanya untuk berdoa dan belajar serta mengkhabarkan Firman dengan tekun, anda akan mendapati jemaah yang rohani, bersemangat, dan bertumbuh. Tetapi apabila jemaah membuat tuntutan terhadap pastornya untuk mengurus setiap mesyuarat komiti, menghadiri semua kegiatan persekutuan, dan menjadi aktif dalam berbagai-bagai hal-ehwal kebajikan sehingga hidup doa dan pembelajaran Alkitabnya terganggu, maka anda akan mendapati gereja yang lembab, suam-suam kuku, atau jemaah yang sejuk ataupun mati. Gereja tersebut mungkin penuh dengan aktiviti dan mempunyai program yang besar, tetapi semua

itu tidak semestinya menghasilkan buah untuk kekekalan. Gereja boleh saja mempunyai banyak kegiatan, mesyuarat, kelab, projek, dan amat sibuk sehingga tidak dapat melakukan apa-apa yang berkaitan dengan tugasnya yang sebenar.

Apabila saya memperhatikan beberapa jemaah, saya teringat akan suatu cerita tentang sebuah jentera yang mempunyai ratusan gigi roda, gear, kapi, dan sabuk yang berjalan dengan lancar dan cepat apabila butang ditekan. Apabila perekacipta ditanya tentang kegunaan jentera itu dan apa yang patut dilakukannya, dia menjawab, "Oh, ia tidak bertujuan untuk melakukan apa-apa, tetapi tidakkah jentera ini berjalan dengan lancar sekali?"

Demikian juga, apabila anda menghadiri gereja yang mengabaikan Alkitab, tidak

mengkhotbahkan Kristus, dan pastornya dibebani dengan tanggungjawab pentadbiran; mungkin anda akan melihat organisasi yang besar dan sibuk tetapi ia tidak mengalirkan apa-apa kuasa. Oleh itu, berhati-hatilah supaya anda mengutamakan hal-hal yang utama. Pastikan pastor anda tidak dibebani oleh tanggungjawab pentadbiran dan kebajikan sehingga kehidupan rohaninya menderita, dan pemberitaan Firman tidak lagi menjadi pelayanan yang terpenting dalam kehidupannya sendiri dan gereja.

Yohanes Pembaptis, teladan kita dalam pelajaran-pelajaran ini, datang "untuk mengkhabarkan cahaya itu". Pastor anda pun seharusnya menggunakan seluruh masa untuk memberitakan Kristus. Jika dia melaksanakan tugas ini dengan berkesan, maka jangan harapkan dia untuk menjadi budak

suruhan gereja, memandu bas sekolah minggu, menyediakan buletin gereja, menjadi penjaga bangunan gereja, membawa ahli-ahli kumpulan wanita ke semua pertemuan mereka, mempengerusi setiap kegiatan, atau keluar untuk melawat jemaah setiap petang dan malam. Sebenarnya, semua ini baik dan berguna. Setiap pastor yang benar-benar diutus oleh Tuhan akan berasa gembira untuk melaksanakan apa saja jenis pelayanan, tetapi anda dan dia mesti berjaga-jaga agar aktiviti-aktiviti ini tidak menghalang dia daripada menjadi orang yang menggunakan masa untuk berdoa dan mengkaji Alkitab. Hal itu boleh menyebabkan dia gagal melakukan misinya yang terutama. Bukan saja dia yang tergelincir secara rohani, bahkan seluruh jemaah pun mungkin jatuh bersama-sama dia. Ingatlah,

nada rohani jemaah ditentukan oleh pastornya.

Oleh itu, apabila anda diminta untuk melakukan sesuatu sesuai dengan kemahiran anda, dan masa serta keadaan mengizinkan, jangan berkata, "Biar pastor melakukannya; itulah sebabnya dia digaji." Sebaliknya, lakukan peranan anda dan tolonglah orang yang "diutus oleh Allah" agar dia menjadi lebih berkesan untuk "mengkhabarkan cahaya itu." Setiap orang Kristian seharusnya ingin membantu pastornya dalam apa pun cara, agar mereka bersama-sama dapat melaksanakan pelayanan gereja. Ada warga tua yang perlukan perhatian; orang yang acuh tak acuh secara rohani perlu diberi amaran dan nasihat; orang miskin perlukan sahabat; orang yang sedih perlukan penghiburan dan keceriaan. Pastor anda tidak dapat melakukan semua hal itu.

Dia dan gereja memerlukan anda. Dengan bekerjasama, anda dapat melakukan perkara-perkara besar untuk Tuhan.

Saya ingin mengulangnya dengan lebih tegas lagi—bila saja anda diminta melakukan sesuatu menurut kemahiran anda, maka anda seharusnya memberikan pertimbangan yang sungguh-sungguh. Dan jika hal itu boleh ditangani tanpa menjejaskan keluarga anda, atau tanggungjawab lain yang sama penting atau lebih utama, maka lakukanlah tugas itu. Berilah bantuan bagi tugas apa pun, agar pastor anda boleh bebas melaksanakan pelayanannya menurut cara yang dikehendaki oleh Tuhan.

KESIMPULAN

Untuk menyimpulkan kajian ini, saya ingin mengulangi tanggungjawab anda terhadap pastor anda:

1. Sebagai manusia, dia memerlukan doa anda.
 2. Sebagai manusia yang diutus oleh Tuhan, dia layak mendapat penghormatan anda.
 3. Sebagai manusia yang diutus oleh Tuhan untuk mengkhabarkan cahaya itu, dia memerlukan serta layak mendapat bantuan anda.
- Sekarang, sekiranya anda berada di gereja yang tidak mempunyai orang di mimbar yang layak mendapat penghormatan dan kerjasama kerana dia belum lahir baru, tidak berapa mempercayai Alkitab, dan tidak mengajarkan Firman Tuhan, maka itu perkara lain. Anda bertanggungjawab terhadap diri sendiri, dan juga keluarga anda untuk menghadiri gereja yang mempunyai orang yang diutus oleh Tuhan dan menyampaikan perkhabaran Tuhan.

Buku kecil ini diambil daripada khutbah-khutbah yang disampaikan oleh Richard W. De Haan dalam program siaran televisyen, Day of Discovery. Richard menjadi presiden dan guru Radio Bible Class (kini RBC Ministries) dari tahun 1964 sehingga 1984.

Penterjemah: Stemmah Sariau

Editor: Lydia Ng & Stemmah Sariau,

Foto kulit: Linda Dufurrena

Buku Asli: *Your Pastor and You*

Petikan Alkitab daripada Alkitab Berita Baik,
© 1996 Bible Society of Malaysia.
Hak Cipta Terpelihara.

© 2007, 2010 RBC Ministries, Grand Rapids,
Michigan • Dicitak di Malaysia.

Renungan
